

Pengumuman Media

Diembargo sehingga till 5.00ptg, Jumaat, 18 Julai 2025



BERSATU MERAIKAN BAHASA MELAYU DI SINGAPURA

Sempena SG60, Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) mengundang semua lapisan masyarakat untuk bersama-sama meraikan Bulan Bahasa 2025 yang akan berlangsung dari 16 Ogos hingga 12 Oktober. Bulan Bahasa diadakan setiap tahun bagi memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang mencerminkan budaya, warisan dan identiti yang kukuh. MBMS terus memberikan tumpuan kepada golongan belia, untuk memupuk rasa cinta dan penghargaan terhadap bahasa dan budaya Melayu. Sebagai generasi pelapis, MBMS berharap para belia dapat memelihara dan melestarikan bahasa Melayu untuk generasi akan datang.

Tahun ini, MBMS juga akan menjadi tuan rumah untuk Seminar dan Sidang Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera). Seramai 50 wakil dari negara-negara anggota Mastera iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam dijangka akan berada di Singapura untuk menghadiri program-program Mastera pada September 2025.

Bulan Bahasa 2025

Program-program Bulan Bahasa 2025 akan dijalankan dari 16 Ogos hingga 12 Oktober. Rakan kerjasama masyarakat, akar umbi, kumpulan seni dan sekolah berganding bahu untuk menganjurkan program-program menarik yang akan menyemarakkan penggunaan bahasa Melayu.

"Bahasa Melayu bukanlah bahasa yang statik; ia akan terus berkembang dan berubah mengikut peredaran masa. Untuk memeliharanya bagi generasi akan datang, kita harus memperkukuh usaha kita untuk mempromosikan bahasa Melayu setiap tahun. Kami mengucapkan terima kasih kepada rakan kerjasama yang sentiasa menghasilkan program-program baharu untuk menarik perhatian dan minat belia dalam landskap bahasa yang sentiasa berubah. Tahun ini, sempena sambutan SG60, kita juga meraikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Singapura yang telah digunakan oleh generasi rakyat Singapura

Pengumuman Media

Diembargo sehingga till 5.00ptg, Jumaat, 18 Julai 2025



dari pelbagai kaum sejak awal pembangunan negara kita. Saya menggalakkan para belia dan semua rakyat Singapura untuk mengambil bahagian dalam program-program Bulan Bahasa yang akan datang dan menghayati sepenuhnya kekayaan bahasa, budaya, dan warisan Melayu kita," kata Encik Zhulkarnain Abdul Rahim, Pengerusi MBMS dan Jawatankuasa Bulan Bahasa 2025.

Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2025 akan ditayangkan pada hari Jumaat, 29 Ogos 2025, 8.30 malam di saluran Mediacorp Suria. MBMS mengundang orang ramai, terutamanya golongan belia, untuk menghadiri sesi rakaman program tersebut yang akan berlangsung di Mediacorp pada hari Jumaat, 25 Julai 2025. Pendaftaran bagi menghadiri sesi rakaman tersebut hendaklah dilakukan melalui pautan bb25launchgen.peatix.com.

Sila rujuk **Lampiran A** untuk identiti kreatif dan gambar seranta-seranta Bulan Bahasa 2025.

Program-program Menarik untuk Bulan Bahasa 2025

Kalendar acara Bulan Bahasa 2025 akan dimeriahkan dengan program-program anjuran rakan kerjasama masyarakat, akar umbi, kumpulan seni dan sekolah-sekolah. Program-program Bulan Bahasa 2025 terbuka kepada semua lapisan masyarakat. Acara-acara tersebut akan berlangsung secara fizikal dan di wadah digital dari 16 Ogos hingga 12 Oktober.

Mari menelusuri seni lukisan dan penulisan komik dalam **Bengkel Melukis Komik Melayu** yang dikendalikan oleh **Nusantara World Music**. Para peserta dapat mempelajari cara melukis dan menulis komik menarik yang memaparkan watak-watak daripada cerita rakyat Melayu bersama penulis komik terulung, Dato' Imuda. **Nusantara World Music** juga akan menjalankan pertandingan nyanyian tahunan, **Juara Si Cilik 2025**, yang memberi peluang kepada para pelajar sekolah rendah untuk menonjolkan bakat mereka.

Selami dunia dikir barat bersama **Gabungan Kumpulan Dikir Barat Singapura** melalui siri dokumentari, **Perjuangan Gabungan** yang memaparkan tokoh-tokoh seni dikir barat. Penggiat dikir barat juga dapat mempelajari seni penulisan lirik dan ragam dikir barat dalam pertandingan dikir barat **'Stunt' Spontan**.

Pengumuman Media

Diembargo sehingga till 5.00ptg, Jumaat, 18 Julai 2025



Terokai bahasa Melayu melalui lukisan batik bersama **Kamal Arts** dalam program **Batik Bersama – Seni Alam**. Melalui bengkel ini, para peserta akan mempelajari cara melukis tumbuh-tumbuhan dan bunga-bunga asli alam Melayu. Para peserta akan diperkenalkan kepada istilah Melayu yang berkaitan dengan warna sambil mempelajari seni melukis corak batik.

Pelajari maksud yang tersirat di sebalik lagu Melayu popular bersama Duta Bahasa 2025 **Hidayat Nordin**, melalui siri video **Bedah Lirik**. Setiap episod akan mengetengahkan sebuah lagu yang telah mencorakkan budaya dan identiti bahasa dan budaya pop Melayu Singapura. Sempena SG60, siri ini akan mempamerkan pilihan lagu yang merentasi zaman. Setiap episod akan menampilkan lagu ikonik daripada era yang berbeza.

Saksikan persembahan yang memukau oleh **Perkumpulan Seni Singapura** berjudul **Gelanggang Langkah Berseni** yang menggabungkan teater dan tarian yang mempesonakan. Produksi ini hasil kesenian tiga koreografer muda serta sebuah persembahan istimewa oleh koreografer mapan kumpulan ini. Produksi ini mengetengahkan unsur-unsur bahasa Melayu melalui adegan drama dan bentuk kesusasteraan seperti puisi.

Sila layari mbms.sg, [@bulanbahasa](https://www.instagram.com/bulanbahasa) di Instagram dan [facebook.com/majlisbahasa](https://www.facebook.com/majlisbahasa) untuk kalendar Bulan Bahasa 2025 yang lengkap.

Tayangan Majlis Pelancaran di Mediacorp Suria

Pelancaran Bulan Bahasa 2025 akan mempamerkan kekayaan bahasa, budaya dan warisan Melayu. Saksikan tayangan Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2025 di saluran Mediacorp Suria pada hari Jumaat, 29 Ogos 2025 pada jam 8.30 malam. Acara akan menampilkan persembahan lantunan puisi oleh penerima Pingat Budaya, Encik Almahdi Al-Haj Ibrahim—atau lebih dikenali sebagai Nadiputra—bersama Anis Qurratu'aini. Turut memeriahkan program ini ialah barisan penyanyi Aqmal Noor, Nurjannah dan Izzan Adlan, serta kumpulan-kumpulan seni Sri Warisan, Sri Setia Pulau Singa, Ardwindi dari Institut Pendidikan Teknikal

Pengumuman Media

Diembargo sehingga till 5.00ptg, Jumaat, 18 Julai 2025



(ITE) Kolej Pusat dan Fusion Percussion dari Politeknik Temasek. Muzik untuk program ini akan disusun dan diterajui oleh Duta Bahasa, Megat Firdaus.

Rakan Bahasa dari Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Maktab Rendah, dan Institut Pengajian Tinggi, serta penulis muda dan pelakon bangsawan yang berbakat akan ditampilkan semasa tayangan program tersebut.

Duta Bahasa 2025

Setiap tahun, MBMS akan melantik Duta Bahasa untuk menjadi penggiat bahasa yang dapat memasyarakatkan bahasa Melayu. Pelantikan ini adalah tanggungjawab sepanjang hayat yang harus digalas oleh Duta Bahasa. Duta Bahasa dilantik berdasarkan kepakaran, semangat dan penglibatan mereka dalam aktiviti bahasa, budaya dan program yang melibatkan masyarakat Melayu di Singapura.

Sejak permulaan inisiatif ini pada tahun 2010, seramai 50 individu telah dilantik sebagai Duta Bahasa pada tahun 2024. Tahun ini, MBMS dan Jawatankuasa Bulan Bahasa akan melantik tiga lagi individu sebagai Duta Bahasa 2025.

1. Izyan Mellyna – Pelakon, Pengacara, Penerbit, dan Usahawan
2. Hidayat Nordin – Aktivis Seni dan Teater, dan Pencipta Kandungan
3. Fatih Hamdani – Rakan Bahasa 2024

"Saya ingin mengalu-alukan kedatangan Duta Bahasa yang baru dilantik ke dalam keluarga Duta Bahasa kami. Usaha mempromosikan bahasa Melayu hanya dapat diperkukuh melalui dedikasi dan usaha kita bersama. Kita mesti terus memupuk perasaan cinta terhadap bahasa dalam masyarakat, terutamanya dalam kalangan belia kita. Dengan sukacita, saya ingin mengiktiraf Fatih Hamdani sebagai Duta Bahasa. Beliau merupakan mantan Rakan Bahasa pertama yang dilantik sebagai Duta Bahasa. Bersama dengan Hidayat dan Izyan, saya berharap mereka akan melaksanakan tugas mereka selaku Duta Bahasa dengan bangga. Saya yakin masyarakat kita akan mendapat manfaat daripada semangat dan advokasi mereka terhadap bahasa Melayu," kata Encik Zhulkarnain Abdul Rahim.

Pengumuman Media

Diembargo sehingga till 5.00ptg, Jumaat, 18 Julai 2025



Sila rujuk **Lampiran B** untuk maklumat lanjut tentang Duta Bahasa 2025 dan senarai lengkap Duta Bahasa yang telah dilantik sebelum ini.

Mastera 2025 - dianjurkan oleh Mastera Singapura

Dari 9 hingga 12 September, MBMS akan menjadi tuan rumah Seminar dan Sidang Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera¹) 2025. MBMS akan menyambut seramai 50 wakil dari negara-negara anggota Mastera, iaitu Malaysia, Indonesia, dan Brunei Darussalam. Mereka akan menghadiri pelbagai program dan acara Mastera di Singapura.

Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT), akan diadakan di The POD, Bangunan Perpustakaan Negara, pada hari Selasa dan Rabu, 9 hingga 10 September 2025. Empat sesi perbincangan panel telah dijadualkan. Para pakar kandungan dan wakil dari setiap negara anggota akan membentangkan kertas kerja berdasarkan tema "Sastera Global Selatan".

MBMS akan menyampaikan Hadiah Terjemahan Mastera semasa Majlis Perasmian Sidang ke-29. Pemenang dari setiap negara anggota—Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, dan Singapura—akan menerima hadiah wang tunai bernilai S\$3,000 dan sebuah trofi.

Program Mastera yang bakal berlangsung selama seminggu akan berakhir dengan Sidang Mastera Ke-29 yang hanya akan dihadiri oleh wakil agensi sastera kebangsaan daripada setiap negara anggota sahaja.

"Mastera membangunkan dan memperkaya budaya kesusasteraan Melayu Singapura. Majlis Bahasa Melayu Singapura berbesar hati kerana bakal menjadi tuan rumah Mastera 2025, bersamaan dengan sambutan SG60," kata Dr Azhar Ibrahim, Timbalan Pengerusi MBMS dan Pengerusi Jawatankuasa Persuratan MBMS.

¹ Mastera ditubuhkan pada tahun 1995 dengan negara-negara anggota Malaysia, Indonesia, dan Brunei, dan Singapura menjadi anggota rasmi pada tahun 2012. Mastera bertujuan untuk mempromosikan kesusasteraan Melayu di peringkat serantau melalui pelbagai program tahunan seperti seminar dan bengkel. Negara-negara anggota bergilir-gilir menjadi tuan rumah seminar dan persidangan tahunan, dan Singapura pernah menjadi negara tuan rumah pada tahun 2015 dan 2019.

Pengumuman Media
Diembargo sehingga till 5.00ptg, Jumaat, 18 Julai 2025



Hari Mastera²

Menjelang Seminar dan Sidang Mastera, dan bagi menandakan Singapura sebagai negara anggota Mastera, MBMS akan menganjurkan **Hari Mastera** pada hari Sabtu, 16 Ogos 2025. Dr Farizan Md Amin akan berkongsi pembentangan ucap tama yang akan diikuti dengan deklamasi puisi oleh Sahabat Sastera. Hari Mastera juga akan bertepatan dengan permulaan Bulan Bahasa 2025, yang juga dianjurkan oleh MBMS.

Sila layari mbms.sg dan ikuti facebook.com/majlisbahasa untuk maklumat lanjut mengenai Hari Mastera pada 16 Ogos 2025, dan program-program Mastera dari 9 hingga 12 September 2025 dan kemas kini mutakhir.

² Negara anggota Mastera menetapkan 12 Ogos setiap tahun sebagai Hari Mastera sebagai pengiktirafan terhadap usaha serantau dalam mempromosikan kesusasteraan Melayu.

Pengumuman Media
Diembargo sehingga till 5.00ptg, Jumaat, 18 Julai 2025



Lampiran A

Identiti Kreatif dan Seranta Bulan Bahasa 2025

Identiti kreatif Bulan Bahasa tahun ini menggabungkan unsur-unsur visual seperti bayang-bayang dan permainan huruf pada tipografi tema Bulan Bahasa iaitu 'Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita.' Reka bentuk ini menggandingkan mercu tanda ikonik Singapura (Lapangan Terbang Changi, Merlion, Supertrees) dengan elemen budaya Melayu yang telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai warisan kebudayaan tidak ternilai seperti silat dan angklung.

Bunga orkid disertakan sebagai simbol negara memperkaya lagi naratif ini dan sejajar dengan tema SG60 iaitu "Semangat yang Diperbaharui", meraikan perpaduan harmoni antara tradisi dan kemodenan dalam pembangunan Singapura.

Identiti kreatif baharu ini akan tampil dalam seranta Bulan Bahasa 2025. Tahun ini, fail-fail akan disediakan untuk diberikan kepada peserta-peserta Bulan Bahasa melalui rakan kerjasama. Untuk mendapatkan fail ini, sila hantarkan permohonan seranta anda melalui FormSG di pautan <https://go.gov.sg/bb25coe>.



Lampiran B: Duta Bahasa 2025

Izyan Mellyna



Izyan Mellyna ialah seorang pelakon, pengacara, penerbit, dan pereka yang dikenali dengan sifat serba boleh dan ketulenannya. Dengan pengalaman beliau dalam bidang teater, filem, dan televisyen, beliau pernah memenangi anugerah Pelakon Wanita Terbaik dalam Watak Komedi di Pesta Perdana 2019 dan juga telah memukau para penonton dengan wataknya dalam filem tempatan *Banting*. Izyan juga merupakan pengasas sebuah jenama fesyen dan juga pengacara bagi siri audio siar *This Iz*, di mana beliau membincangkan isu-isu berkaitan dengan kesihatan mental untuk menggalakkan kesejahteraan dan meningkatkan daya tahan.

Sebagai seorang bekas jururawat dan ibu kepada tiga orang anak lelaki, beliau mempamerkan sifat keihisan dan kekuatan dalam setiap peranan yang digalas, sama ada di kaca televisyen mahupun dalam kehidupan peribadinya.

Usahanya terus memperkasa kaum wanita, meraikan kepelbagaian dalam masyarakat, dan juga mendorong perbincangan yang jujur dan terbuka. Izyan percaya bahawa bahasa memiliki kuasa. Ia menghubungkan seseorang itu kepada warisannya, mengeratkan hubungan masyarakat, serta merakam kisah-kisah jati diri seseorang. Pelantikannya sebagai Duta Bahasa amat bermakna bagi beliau kerana bahasa Melayu telah membentuk sebahagian besar daripada perjalanan hidupnya.

Dalam dunia yang pesat berubah, beliau percaya akan kepentingan memelihara keindahan dan kerelevanan bahasa ibunda. Pelantikannya sebagai Duta Bahasa membuka lembaran baharu baginya untuk meraikan bahasa yang merupakan nadi identitinya.

Pengumuman Media

Diembargo sehingga till 5.00ptg, Jumaat, 18 Julai 2025



Sebagai Duta Bahasa, Izyan ingin menyemai rasa bangga terhadap bahasa ibunda melalui penceritaan kreatif dan usaha kemasyarakatan. Sama ada melalui lakonan, program audio siar, atau media sosial, beliau tekad untuk menggunakan suara dan platformnya untuk memartabatkan bahasa Melayu dengan cara yang mudah dan menarik. Beliau berharap dapat bekerjasama dengan para pendidik, penggiat seni, dan golongan belia untuk menjadikan bahasa Melayu lebih relevan dan memperkasakan generasi baharu.

Bahasa bukan penghalang tetapi jambatan yang menghubungkan masyarakat. Beliau berbesar hati dapat menjadi sebahagian daripada usaha untuk melestarikan dan memasyarakatkan bahasa Melayu di Singapura.

Pengumuman Media

Diembargo sehingga till 5.00ptg, Jumaat, 18 Julai 2025



Nur Muhammad Hidayat Bin Nordin



Hidayat Nordin ialah seorang seniman prolific dalam multidisiplin, dengan penglibatan dalam bidang teater, sastera, muzik dan media. Sepanjang lebih sedekad, beliau telah menerajui pelbagai karya pementasan yang memenangi anugerah. Sebagai pejuang seni Melayu dan pembangunan bakat belia, Hidayat merupakan pengasas bagi beberapa kolektif seni termasuk Aras Theatre dan Meja Conteng (kolektif penulis muda).

Portfolio beliau merangkumi penerbitan media, pementasan teater, audio siar, koleksi puisi serta komposisi muzik dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Pada tahun 2020, buku puisi sulungnya, *Optimis*, diterbitkan dengan sokongan Majlis Seni Kebangsaan. Beliau sering dijemput untuk sertai acara-acara seperti Pesta Penulis Singapura, Festival Syair Internasional di Jakarta dan Hari Puisi Sedunia di Malaysia.

Beliau sering dijemput untuk sertai acara-acara seperti Pesta Penulis Singapura, Festival Syair Internasional di Jakarta dan Hari Puisi Sedunia di Malaysia.

Di acara Hadiah Sastera Singapura 2024, beliau berkesempatan untuk menggubah dan mempersembahkan sebuah karya untuk tokoh sastera tersohor, Encik Suratman Markasan. Beliau turut memainkan peranan penting dalam membimbing generasi pelapis untuk mengasah bakat kreatif mereka melalui bengkel drama, dikir barat dan penulisan kreatif di sekolah-sekolah.

Beliau telah menerima pelbagai pengiktirafan termasuk Anugerah Pengarah Terbaik (Sayembara Teater) dan tempat pertama di Pesta Puisi Singapura.

Peranan Duta Bahasa sejajar dengan misi hidup beliau untuk memperjuangkan serta menghidupkan kembali bahasa Melayu melalui seni. Sebagai seorang seniman dan pendidik, Hidayat percaya bahawa bahasa bukan sekadar alat berkomunikasi, tetapi juga mencerminkan identiti, budaya, dan memori kita. Beliau mencipta ruang bagi golongan belia

Pengumuman Media

Diembargo sehingga till 5.00ptg, Jumaat, 18 Julai 2025



untuk menggunakan bahasa Melayu — melalui teater, puisi atau dikir barat — demi memupuk kebanggaan terhadap warisan bahasa mereka.

Hidayat berhasrat untuk menjadikan bahasa Melayu lebih menarik, mudah dan relevan — khususnya kepada golongan belia. Melalui pelbagai program seperti persembahan rentas genre, bengkel penulisan kreatif dan penceritaan digital, beliau ingin merapatkan jurang antara tradisi dan arus moden dalam pandangan masyarakat.

Hidayat akan terus membimbing bakat baharu, menjalinkan kerjasama dengan sekolah-sekolah dan kumpulan masyarakat untuk membina platform yang meraikan kepelbagaian linguistik. Dalam bidang seni mahupun kehidupan seharian, beliau berusaha untuk menyemai keyakinan dan kecintaan terhadap bahasa Melayu.

Pengumuman Media

Diembargo sehingga till 5.00ptg, Jumaat, 18 Julai 2025



Fatih Hamdani Bin Muhammad Effendy



Fatih Hamdani merupakan seorang yang aktif memperjuangkan bahasa Melayu di sekolahnya. Pada tahun 2024, Fatih memegang jawatan sebagai Presiden Persatuan Budaya Melayu Institusi Raffles (RI) dan telah menganjurkan pelbagai aktiviti untuk mengeratkan hubungan dan memperkenalkan permainan dan tarian tradisional kepada

para pelajar. Beliau juga kerap mempromosikan bahasa Melayu di wadah media sosial seperti Instagram.

Fatih juga pernah mengetuai Projek Permata, sebuah usaha kemasyarakatan yang dijalankan bersama Era Dance Theatre. Inisiatif ini memperkenalkan tarian Melayu kepada para pelajar sekolah rendah dari Kelompok S7. Pelajar-pelajar RI juga didedahkan kepada tarian Melayu menerusi pelbagai kaedah pembelajaran seperti bengkel, sesi latihan, dan penceritaan digital untuk memupuk penghargaan terhadap seni persembahan Melayu.

Sejak pelantikannya sebagai Rakan Bahasa 2024, Fatih telah mengambil bahagian dalam program-program seperti Pertandingan TeeVers 2024 di mana beliau memenangi tempat pertama. Beliau juga mengambil bahagian dalam Fiesta Kesantunan@OnePunggol, dan terlibat dalam video treler dalam program tayangan Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2024. Fatih juga telah menjadi pengacara untuk Majlis Penghargaan Bulan Bahasa 2024.

Atas dedikasi dan usahanya, Fatih telah dianugerahkan Biasiswa Program Elektif Bahasa Melayu Kementerian Pendidikan.

Fatih juga terlibat dalam kesenian sebagai penari bersama kumpulan TUNAS dari Sri Warisan Akademi Seni Persembahan, dan telah mementaskan beberapa produksi seperti *Melodious Angklung: Kampung Arumba* dan *Tunas Berseni: Transisi dan Astatika*. Beliau juga pernah bertanding dalam pertandingan bahasa seperti Bisikan Pena, di mana kumpulannya meraih

Pengumuman Media

Diembargo sehingga till 5.00ptg, Jumaat, 18 Julai 2025



tempat ketiga, dan juga Pertandingan Terjemahan 3T anjuran Maktab Rendah Kebangsaan, di mana kumpulan beliau meraih tempat keempat dalam kalangan 59 sekolah yang lain.

Fatih sentiasa berusaha memperkasakan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan keluarga, rakan-rakan, dan pelajar-pelajar RI. Mesej utama yang ingin disampaikan adalah untuk menggunakan bahasa Melayu dengan yakin tanpa perasaan segan silu, tidak kira usia, latar belakang mahupun kefasihan seseorang dalam berbahasa Melayu.


Sebagai Duta Bahasa, Fatih berhasrat untuk mempromosikan bahasa Melayu melalui bakat dan kemahirannya dalam nyanyian, penulisan lagu, tarian, dan ciptaan bahan media sosial. Beliau ingin mengubah tanggapan masyarakat terhadap penggunaan serta hubungan mereka dengan bahasa dan budaya Melayu. Sebagai anak muda yang bertenaga, beliau ingin bekerjasama dengan Duta Bahasa lain dalam usaha melestarikan bahasa dan budaya Melayu.

Pengumuman Media

Diembargo sehingga till 5.00ptg, Jumaat, 18 Julai 2025



Duta Bahasa yang Dilantik Sejak Tahun 2010






Sentiasa dalam Ingatan / *In Remembrance:*
Asmah Laili & Riz Sunawan

Pengumuman Media

Diembargo sehingga till 5.00ptg, Jumaat, 18 Julai 2025



Duta Bahasa dalam Bidang Masing-Masing:

Karyawan (Perundangan, Perubatan & Perniagaan)	Sastera & Seni	Ahli Akademik & Asatizah
1. <u>Rahayu Mahzam</u> 2. <u>Suhaimi Salleh</u> 3. <u>Dr Jazlan Joosoph</u> 4. <u>Dr Elly Sabrina</u> 5. <u>Zhulkarnain Abdul Rahim</u> 6. <u>Dr Nur Farhan Alami</u> 7. <u>Dr Fadzil Hamzah</u>    	1. <u>Noshin Putri Adel</u> 2. <u>Munirah Jaafar</u> 3. <u>Aidli Mosbit</u> 4. <u>Siti Zahidah</u> 5. <u>Asnida Daud</u> 6. <u>Chempaka Aizim</u> 7. <u>Megat Firdaus</u> 8. <u>Jumaini Ariff</u>    	9. <u>Aqmal Noor</u> 10. <u>Nabilah Jalal</u> 11. <u>Marina Yusoff</u> 12. <u>Afi Hanafi</u> 13. <u>Syafiqah 'Adha</u> 14. <u>Hidayat Nordin</u> 15. <u>Fatih Hamdani</u>      
Media & Personaliti	Media & Personaliti	Ahli Akademik & Asatizah
1. <u>Taufik Batisah</u> 2. <u>Zaza Majid</u> 3. <u>Hisyam Hasim</u> 4. <u>Dyn Norahim</u> 5. <u>Khairudin Saharom</u> 6. <u>Imran Ajmain</u> 7. <u>Daud Yusof</u> 8. <u>Nurul Aini</u> 9. <u>Zaibaktian</u> 10. <u>Ramli Sarip</u> 11. <u>Fiza O</u>      	12. <u>Hairianto Diman</u> 13. <u>Siti Khalijah</u> 14. <u>Dzar Ismail</u> 15. <u>Bakti Khair</u> 16. <u>Farhana M Noor</u> 17. <u>Shahrizal Salleh</u> 18. <u>Sujimy Mohd</u> 19. <u>Hyrul Anuar</u> 20. <u>Fir Rahman</u> 21. <u>Hans Hamid</u> 22. <u>Nursha Ismail</u> 23. <u>Izyan Mellyna</u>      	1. <u>Ustazah Nurul 'Izzah</u> 2. <u>Ustaz Zahid Zin</u> 3. <u>Dr Norshahril Saat</u> 4. <u>Dr Noramin Farid</u> 5. <u>Ustaz Nuzhan Halim</u>   

Pengumuman Media

Diembargo sehingga till 5.00ptg, Jumaat, 18 Julai 2025



Mengenai Bulan Bahasa anjuran Majlis Bahasa Melayu Singapura

Bulan Bahasa pertama kali dilancarkan pada tahun 1988 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan diadakan dua tahun sekali. Sejak 2011, ia menjadi sambutan tahunan yang terus menarik minat, penyertaan dan sokongan masyarakat.

Sebagai daya usaha unggul MBMS, Bulan Bahasa menggalakkan masyarakat menghargai dan menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan mereka dalam usaha melestarikan warisan masyarakat Melayu.

Untuk maklumat lanjut mengenai MBMS dan Bulan Bahasa, sila lungsur:

Laman web: mbms.sg

Instagram: [@bulanbahasa](https://www.instagram.com/bulanbahasa)

Facebook: [facebook.com/majlisbahasa](https://www.facebook.com/majlisbahasa)

TikTok: [@bulanbahasag](https://www.tiktok.com/@bulanbahasag)